

**S:** Boleh ceritakan serba sedikit mengenai penubuhan CEISeD?

**J:** Pusat Inovasi Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar atau Centre of Entrepreneurship Innovation and Student Development (CEISeD) UPM ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 2011.

CEISeD ialah nama baru kepada Pusat Kokurikulum UPM yang dinaik taraf tahun lalu. Pusat ini ditubuhkan bagi meningkatkan dan memantapkan kemahiran sosial pelajar UPM termasuk kemahiran insaniah yang menjadi keperluan majikan apabila mereka menamatkan pengajian.

Bagaimanapun, kehendak semasa juga memerlukan pelajar di institusi pendidikan tinggi (IPT) memiliki kemahiran keusahawanan supaya mereka mampu berdikari apabila tamat pengajian.

Atas sebab itu, UPM mengambil langkah proaktif menubuhkan CEISeD supaya dapat menggembangkan usaha dan perancangan untuk meningkatkan kemahiran inovasi keusahawanan dalam kalangan pelajar UPM selain mendapat kemahiran sosial apabila mengikuti program khidmat masyarakat.

Pelbagai aktiviti inovasi

menjalankan program kemahiran insaniah untuk meningkatkan daya saing.

Pusat ini juga mengadakan jalinan dengan industri dan komuniti sosial dalam bidang inovasi keusahawanan dan pembangunan pelajar dan membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar dalam aktiviti inovasi keusahawanan.

Dua program yang menjadi keistimewaan pusat ini ialah program persediaan pelajar, 'Starting School' kepada pelajar baru bagi persediaan menyesuaikan diri di menara gading dan Kursus 'Finishing School' untuk penyediaan kerjaya lebih mantap dalam kalanngan bakal graduan.

Mereka yang menyertai Starting School rata-rata menyatakan program itu banyak membantu mereka dalam menempuh kehidupan di kampus. Peserta Kursus Finishing School pula ternyata berkesan mempersiap graduan UPM supaya lebih yakin dan kelihatan trampil sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

**S:** Apakah program inovasi/keusahawanan dan pembangunan pelajar yang disediakan CEISeD untuk pelajar UPM?

**B**agi melahirkan graduan seimbang akademik dan kokurikulum pelbagai usaha dilakukan universiti termasuk menyediakan pusat kokurikulum dan menganjurkan program berbentuk khidmat masyarakat.

Pengarah Pusat Inovasi Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar (CEISeD) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Shatar Sabran berkongsi pengalaman mengenai program yang mampu menghasilkan pelajar aktif di luar bilik kuliah kepada Wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM



# UPM membangunkan kemahiran insaniah



## “CEISeD DITUBUHKAN UNTUK MERANCANG DAN MELAKSANA AKTIVITI UNTUK MANFAAT PELAJAR SEPERTI KEUSAHAWANAN TERKINI, KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT, PROGRAM KEMAHIRAN INSANIAH”

keusahawanan dirancang oleh CEISeD untuk melatih pelajar UPM supaya mereka mampu memiliki kemahiran keusahawanan seperti yang dihasratkan Kementerian Pengajian Tinggi.

### S: Apakah objektif penubuhan CEISeD?

J: Fokus utama pusat ini ialah melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah tinggi serta seimbang akademik dan kurikulum. Program yang dijalankan amat menitikberatkan kemahiran sosial mereka supaya dapat menjadi modal insan cemerlang apabila keluar universiti ini.

Objektif utama CEISeD ditubuhkan ialah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti untuk manfaat pelajar seperti keusahawanan terkini untuk diceburi, melaksana kursus kurikulum berkredit,

J: Kami merancang secara agresif pelbagai aktiviti yang mampu meningkatkan kemahiran inovasi keusahawan dalam kalangan pelajar yang mengikuti program yang dianjurkan pusat ini.

CEISeD akan memaklumkan aktiviti yang ditawarkan melalui laman web CEISeD, <http://www.pkk.upm.edu.my>. Pelajar yang berminat perlu memohon untuk mengikuti program dan aktiviti yang akan dilaksanakan dengan menggunakan borang yang boleh dimuat turun daripada laman web berkenaan.

Borang permohonan akan dinilai oleh pegawai CEISeD untuk kelulusan dan mereka yang berjaya akan diberitahu melalui telefon dan emel. Banyak program yang dijalankan setiap tahun dan mendapat sambutan hangat daripada pelajar selain mereka memberi maklum

balas positif selepas mengikuti program.

Tahun ini saja 10 program telah dijalankan sehingga Mei lalu termasuk Kursus Asas Keusahawanan Siswa, Lawatan Kafilah Keusahawanan, Siri Interaksi: Bijak Niaga (Hala Tuju Kosiswa), Program Kembara Usahawan 2012, Lab Minda Keusahawanan Siswa, Karnival Ilmu Amal Seni Kreatif 2012, Seminar Keusahawanan dan Kerjaya 2012, Karnival Keusahawanan Kesenian Islam dan Karnival Bijak Niaga 2012.

S: Adakah CEISeD menjalankan kerjasama dengan pihak luar dalam usaha memberi latihan inovasi/keusahawanan dan pembangunan pelajar?  
J: CEISeD sentiasa bekerjasama dengan pihak luar untuk meningkatkan kemahiran

keusahawanan dan inovasi dalam kalangan pelajar UPM. Pelbagai bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh CEISeD dengan agensi atau pihak luar.


Antara kerjasama yang sering diguna pakai ialah 'smart partnership' iaitu CEISeD akan menyediakan kemudahan pelajar dan tempat dan agensi yang terbabit akan menyediakan tenaga pakar dan kewangan.

Kami menjalin kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Amanah Ikhtiar Malaysia, Johor Corporation (J-Corp), Majlis Keusa-

hawan Mahasiswa Universiti Malaysia, Institut Keusahawanan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Perwira Global, Warisan Global, Dewan Perniagaan Melayu Semenanjung dan Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad.

**S: Berapa ramai usahawan inovasi yang sudah dilahirkan CEISeD? Ada contoh dan perniagaan yang dijalankan?**

J: Sejak ditubuhkan tahun lalu, hampir 10,000 pelajar UPM membabitkan diri dalam aktiviti keusahawanan anjuran CEISeD.



**Perkhidmatan** internet satu daripada perniagaan yang diceburi graduan UPM.

Sebahagian daripada mereka berjaya menubuhkan syarikat perniagaan sendiri apabila tamat pengajian.

Pelbagai jenis perniagaan diusahakan graduan kami antaranya percetakan, perkhidmatan internet, syarikat kereta sewa, pastri, aksesori wanita dan perniagaan menjual buku ilmiah.

Walaupun kebanyakannya perniagaan mereka masih dalam skala kecil, saya yakin ia permulaan yang baik buat mereka bertapak seterusnya mengembangkan lagi perniagaan masing-masing.

Selain di dalam UPM, ada juga yang mengusahakan perniagaan di premis sendiri di negeri asal masing-masing seperti TUULEEPS Enterprise yang mengusahakan perniagaan roti dan kek berniaga di Bandar Baru Uda, Johor Bahru dan Hanani Shop (aksesori wanita) di Kamunting, Perak.

Di UPM, kami menyediakan beberapa ruang untuk pelajar dan graduan yang baru tamat pengajian berniaga di Kompleks Mahasiswa UPM supaya mereka dapat menimba pengalaman sebenar menguruskan sendiri perniagaan.

Kemudian apabila sudah bergraduat terpulang kepada mereka untuk mengaplikasi apa yang mereka pelajari di CEISeD dan pengalaman berniaga sendiri di dalam kampus untuk memulakan perniagaan di luar.